

**D.R. 6/2017**

**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN  
SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

*Fasal*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Pemakaian luar wilayah

**BAHAGIAN II**

**KESALAHAN-KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN  
PORNOGRAFI KANAK-KANAK**

4. Pornografi kanak-kanak
5. Membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, dsb., pornografi kanak-kanak
6. Persediaan untuk membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak
7. Menggunakan kanak-kanak dalam pembuatan, penghasilan, pengarahannya atau penghasilan, dsb., pornografi kanak-kanak
8. Bertukar-tukar, menerbitkan, dsb., pornografi kanak-kanak
9. Menjual, dsb., pornografi kanak-kanak kepada kanak-kanak
10. Mengakses, dsb., pornografi kanak-kanak
11. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

**BAHAGIAN III**

**KESALAHAN-KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN  
PENGANTUNAN KANAK-KANAK**

12. Berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak
13. Pengantunan kanak-kanak
14. Perjumpaan selepas pengantunan kanak-kanak

*Rang Undang-Undang*

## BAHAGIAN IV

## KESALAHAN-KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN AMANG SEKSUAL

*Fasal*

15. Amang seksual fizikal atas kanak-kanak
16. Amang seksual bukan fizikal atas kanak-kanak

## BAHAGIAN V

## ORANG YANG MEMPUNYAI PERHUBUNGAN AMANAH

17. Orang yang mempunyai perhubungan amanah

## BAHAGIAN VI

## KEBOLEHPERCAYAAN DAN KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK

18. Anggapan kebolehpercayaan saksi kanak-kanak
19. Keterangan saksi kanak-kanak

## BAHAGIAN VII

## PELBAGAI

20. Kegagalan memberikan maklumat
21. Anggapan umur kanak-kanak
22. Persubahatan
23. Keterangan ejen provokasi boleh diterima
24. Ketidapkakaian seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah
25. Peruntukan mengenai hukuman sebat
26. Jadual

## JADUAL

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang tertentu dan hukumannya sebagai tambahan kepada kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang lain dan hukumannya dalam undang-undang bertulis yang lain, dan berhubung dengannya untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran keadilan bagi kanak-kanak dan perkara yang berkaitan.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Pemakaian**

**2.** (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun.

(2) Apa-apa sebutan mengenai kanak-kanak hendaklah termasuk orang yang tertuduh bagi kesalahan di bawah Akta ini percaya berumur di bawah lapan belas tahun.

### **Pemakaian luar wilayah**

3. Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh warganegara Malaysia terhadap kanak-kanak di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia.

## BAHAGIAN II

### KESALAHAN-KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PORNOGRAFI KANAK-KANAK

#### **Pornografi kanak-kanak**

4. Dalam Akta ini—

- (a) “pornografi kanak-kanak” ertinya apa-apa gambaran, sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, atau dengan apa-apa cara lain—
  - (i) mengenai seorang kanak-kanak yang sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan;
  - (ii) mengenai seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak yang sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan;
  - (iii) mengenai imej realistik seorang kanak-kanak sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan; atau
  - (iv) mengenai imej realistik seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak sedang melakukan suatu kelakuan seksual secara terang-terangan; dan

(b) “kelakuan seksual secara terang-terangan” termasuklah yang benar atau simulasi yang berikut:

- (i) persetubuhan, atau perbuatan yang memberahikan termasuk kontak fizikal yang melibatkan alat kelamin dengan alat kelamin, mulut dengan alat kelamin, dubur dengan alat kelamin, atau mulut dengan dubur, antara orang yang mempunyai jantina yang sama atau berlainan;
- (ii) perbuatan kebinatangan;
- (iii) onani;
- (iv) penganiayaan sadis atau masokis dalam konteks seksual;
- (v) menunjukkan alat kelamin, punggung, payudara, bahagian pubis atau dubur dengan berahi; dan
- (vi) penggunaan apa-apa objek atau peralatan bagi perbuatan yang memberahikan.

**Membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, dsb., pornografi kanak-kanak**

**5.** Mana-mana orang yang membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, atau mengambil bahagian, menyertai atau melibatkan diri, mengikut apa-apa cara sekalipun, dalam pembuatan, penghasilan atau pengarahannya pembuatan atau penghasilan, apa-apa pornografi kanak-kanak melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada enam sebatan.

*MISALAN*

- (a) A, seorang pelakon mendekati Z, seorang penerbit filem supaya A boleh berlakon dalam salah satu filem Z. Z menawarkan A untuk berlakon dalam pornografi kanak-kanak dan A bersetuju untuk berbuat sedemikian. A berlakon dalam pornografi kanak-kanak itu. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini dengan mengambil bahagian dalam penghasilan pornografi kanak-kanak.

- (b) A seorang pengarah pornografi kanak-kanak. A mengupah Z, seorang pengarah seni untuk menyelia aspek artistik pengarahannya pornografi kanak-kanaknya. Z melakukan sebagaimana yang dikehendaki oleh A. Z bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini dengan mengambil bahagian dalam pengarahannya pembuatan pornografi kanak-kanak.

**Persediaan untuk membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak**

6. Mana-mana orang yang membuat apa-apa persediaan untuk membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan apa-apa pornografi kanak-kanak melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

**Menggunakan kanak-kanak dalam pembuatan, penghasilan, pengarahannya pembuatan atau penghasilan, dsb., pornografi kanak-kanak**

7. Mana-mana orang yang menggunakan atau menyebabkan seorang kanak-kanak digunakan dalam persediaan untuk membuat atau menghasilkan atau dalam persediaan untuk mengarahkan pembuatan atau penghasilan, atau dalam pembuatan atau penghasilan, atau dalam pengarahannya pembuatan atau penghasilan, apa-apa pornografi kanak-kanak melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada lima sebatan.

*Huraian*—Seksyen ini tidak terpakai jika persediaan untuk membuat atau menghasilkan atau persediaan untuk mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak atau jika pembuatan atau penghasilan atau pengarahannya pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak menggunakan seseorang yang kelihatan seperti seorang kanak-kanak.

*MISALAN*

- (a) A mengupah Z, seorang kanak-kanak melalui iklan pertandingan nyanyian palsu dan menggunakan Z dalam pembuatan pornografi kanak-kanak. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini dengan menggunakan kanak-kanak dalam pembuatan pornografi kanak-kanak. A juga bersalah atas kesalahan di bawah seksyen 5 bagi pembuatan pornografi kanak-kanak.

- (b) A menawarkan anak perempuannya Z yang berumur enam tahun, kepada B supaya Z berlakon dalam pornografi kanak-kanak bagi sejumlah wang tertentu. Z berlakon dalam pornografi kanak-kanak yang dihasilkan oleh B. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini dengan menyebabkan Z, seorang kanak-kanak digunakan dalam penghasilan pornografi kanak-kanak.

### **Bertukar-tukar, menerbitkan, dsb., pornografi kanak-kanak**

#### **8. Mana-mana orang yang—**

- (a) bertukar-tukar, menerbitkan, menjual, menyewakan, mengedar, menunjukkan, mengiklankan, menghantar, menggalakkan, mengimport, mengeksport, menyampaikan, menawarkan atau menjadikan tersedia, mengikut apa-apa cara, apa-apa pornografi kanak-kanak;
- (b) memperoleh, mengumpul atau meminta apa-apa pornografi kanak-kanak; atau
- (c) mengambil bahagian dalam atau menerima keuntungan daripada apa-apa perniagaan yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai perniagaan itu berkaitan dengan apa-apa pornografi kanak-kanak,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada tiga sebatan.

#### *MISALAN*

- (a) A seorang pentadbir laman sesawang pornografi kanak-kanak. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini dengan menjadikan tersedia pornografi kanak-kanak secara dalam talian.
- (b) A menjalankan perniagaan perkhidmatan pengangkutan dan menguruskan pengangkutan dan penyimpanan bahan penerbitan yang dimiliki oleh syarikat Z. Bahan penerbitan Z termasuklah bahan pornografi kanak-kanak. Z mendedahkan maklumat itu kepada A dan membuat rancangan perkongsian keuntungan dengan A berhubung dengan penjualan bahan pornografi kanak-kanak itu dengan syarat yang A terus menjalankan perkhidmatan pengangkutan bagi Z. A menerima tawaran Z. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini dengan menerima keuntungan daripada perniagaan yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai yang perniagaan itu berkaitan dengan pornografi kanak-kanak.

**Menjual, dsb., pornografi kanak-kanak kepada kanak-kanak**

9. Mana-mana orang yang menjual, menyewakan, mengedar, menunjukkan, mengiklankan, menghantar, menggalakkan, menyampaikan, menawarkan atau menjadikan tersedia, mengikut apa-apa cara, apa-apa pornografi kanak-kanak kepada seseorang kanak-kanak melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada lima sebatan.

**Mengakses, dsb., pornografi kanak-kanak**

10. Mana-mana orang yang mengakses, atau mempunyai dalam milikan atau kawalannya, apa-apa pornografi kanak-kanak melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

*Huraian*—Seseorang dikatakan mengakses pornografi kanak-kanak sekiranya orang itu dengan diketahuinya menyebabkan pornografi kanak-kanak dilihat oleh, atau dihantar kepada, dirinya.

*MISALAN*

- (a) A menerima e-mel daripada penghantar yang tidak diketahui dengan lampiran yang tidak bertajuk. A mengakses lampiran itu tanpa mengetahui lampiran itu mengandungi pornografi kanak-kanak. Apabila melihat kandungan lampiran itu, A dengan serta-merta menghapuskan e-mel itu daripada akaun e-melnya. A tidak bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.
- (b) A menerima e-mel daripada penghantar yang tidak diketahui dengan lampiran yang tidak bertajuk. A mengakses lampiran itu tanpa mengetahui lampiran itu mengandungi pornografi kanak-kanak. Apabila melihat kandungan lampiran itu dan meskipun mengetahui lampiran itu mengandungi pornografi kanak-kanak, A terus menerus melihat pornografi kanak-kanak itu. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.
- (c) A menggunakan komputer milik B dan mendapati bahawa terdapat suatu dokumen yang mengandungi pornografi kanak-kanak disimpan dalam cakera keras komputer. A menghantar dokumen itu ke dalam pemacu penanya dan menyimpan pemacu pena itu di dalam pejabatnya. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.



### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**11.** Jika apa-apa kesalahan di bawah Bahagian ini dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas mana-mana sifat sedemikian, atau mengikut apa-apa cara bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian, hendaklah juga bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya, keizinannya atau pembiarannya, dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang dia patut jalankan, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan bagi segala hal keadaan.

## BAHAGIAN III

### KESALAHAN-KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGANTUNAN KANAK-KANAK

#### **Berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak**

**12.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), mana-mana orang yang—

- (a) berkomunikasi secara seksual dengan seseorang kanak-kanak; atau
- (b) menggalakkan seseorang kanak-kanak untuk berkomunikasi secara seksual,

dengan apa-apa cara, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

(2) Bagi maksud seksyen ini, seseorang dikatakan berkomunikasi secara seksual jika—

- (a) komunikasi itu atau mana-mana bahagian komunikasi itu adalah berhubung dengan aktiviti yang bersifat seksual; atau

- (b) mana-mana orang yang munasabah akan berpandangan bahawa mana-mana bahagian komunikasi itu adalah seksual.

(3) Seseorang tidak boleh disabitkan atas kesalahan di bawah seksyen ini jika komunikasi itu adalah bagi maksud pendidikan, sains atau perubahan.

### **Pengantunan kanak-kanak**

**13.** (1) Mana-mana orang yang berkomunikasi dengan apa-apa cara dengan seseorang kanak-kanak dengan niat untuk melakukan atau untuk memudahkan pelakuan mana-mana kesalahan di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 15 atau 16 atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual terhadap kanak-kanak itu, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

(2) Dalam mana-mana prosiding di bawah seksyen ini, fakta bahawa mana-mana kesalahan di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 15 atau 16 atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual telah dilakukan tidak perlu dinyatakan atau dibuktikan.

#### *MISALAN*

- (a) A berkomunikasi dengan Z, seorang kanak-kanak melalui media sosial dengan berpura-pura menjadi seorang remaja dan memupuk hubungan cinta dengan Z dengan niat untuk menggunakan Z bagi pornografi kanak-kanak. A tidak pernah berjumpa dengan Z. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.
- (b) A berkomunikasi dengan Z, seorang kanak-kanak melalui e-mel dan menjalinkan hubungan persahabatan dengan Z dengan niat bahawa C dan B, iaitu kawan A boleh merogol Z. A tidak pernah berjumpa dengan Z. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.

### **Perjumpaan selepas pengantunan kanak-kanak**

**14.** (1) Mana-mana orang yang, setelah berkomunikasi dengan apa-apa cara dengan seseorang kanak-kanak, berjumpa dengan kanak-kanak itu dengan niat untuk melakukan atau untuk memudahkan pelakuan mana-mana kesalahan

di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 15 atau 16 atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual terhadap kanak-kanak itu, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

(2) Dalam mana-mana prosiding di bawah seksyen ini, fakta bahawa mana-mana kesalahan di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 15 atau 16 atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual telah dilakukan tidak perlu dinyatakan atau dibuktikan.

*MISALAN*

- (a) A berkomunikasi dengan Z, seorang kanak-kanak melalui media sosial dengan berpura-pura menjadi seorang remaja dan memupuk hubungan cinta dengan Z. A mengambil langkah selanjutnya dan berjumpa dengan Z dengan niat untuk menggunakan Z bagi pornografi kanak-kanak. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.
- (b) A berkomunikasi dengan Z, seorang kanak-kanak melalui e-mel dan menjalinkan hubungan persahabatan dengan Z. A mengambil langkah selanjutnya dan berjumpa Z dengan niat bahawa C dan B, iaitu kawan A boleh merogol Z. A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN-KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN  
AMANG SEKSUAL

**Amang seksual fizikal atas kanak-kanak**

**15.** Mana-mana orang yang, bagi maksud seksual—

- (a) menyentuh mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak;
- (b) membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang itu atau bahagian badan mana-mana orang lain;
- (c) membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu sendiri; atau

- (d) melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak tanpa persetujuan,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

*Huraian*—Perbuatan menyentuh boleh melibatkan perbuatan menyentuh dengan menggunakan mana-mana bahagian badan atau dengan suatu objek dan boleh dilakukan melalui apa-apa termasuk apa-apa yang dipakai oleh orang yang menyentuh atau kanak-kanak yang disentuh.

### **Amang seksual bukan fizikal atas kanak-kanak**

#### **16. Mana-mana orang yang—**

- (a) bagi maksud seksual—

- (i) mengatakan apa-apa perkataan atau membuat apa-apa bunyi, atau membuat apa-apa gerak isyarat atau menunjukkan apa-apa objek atau badannya atau mana-mana bahagian badannya dengan niat bahawa perkataan atau bunyi itu hendaklah didengari, atau gerak isyarat atau objek atau badan atau bahagian badannya itu hendaklah dilihat oleh seseorang kanak-kanak;
- (ii) membuatkan seseorang kanak-kanak menunjukkan badan kanak-kanak itu atau mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu supaya dapat dilihat oleh orang itu atau mana-mana orang lain;
- (iii) mengikuti atau memerhati atau menghubungi seseorang kanak-kanak dengan apa-apa cara secara berulang kali atau kerap; atau
- (iv) mengugut untuk menggunakan apa-apa gambaran, sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, atau dengan apa-apa cara lain mengenai apa-apa bahagian badan seseorang kanak-kanak atau mengenai seseorang kanak-kanak sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual;

- (b) melakukan aktiviti yang bersifat seksual di hadapan seseorang kanak-kanak;
- (c) menyebabkan seseorang kanak-kanak memerhati seseorang yang lain sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual;
- (d) menyebabkan seseorang kanak-kanak memerhati atau mendengar apa-apa gambaran sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, atau dengan apa-apa cara lain mengenai seseorang yang lain sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual; atau
- (e) membuatkan seseorang kanak-kanak melakukan aktiviti yang bersifat seksual,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN V

### ORANG YANG MEMPUNYAI PERHUBUNGAN AMANAH

#### **Orang yang mempunyai perhubungan amanah**

**17.** (1) Jika seseorang yang melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual terhadap seseorang kanak-kanak, mempunyai perhubungan amanah dengan kanak-kanak itu, orang itu hendaklah, sebagai tambahan kepada hukuman yang dia boleh dikenakan bagi kesalahan itu, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada dua sebatan.

(2) Dalam seksyen ini, seseorang dikatakan mempunyai perhubungan amanah dengan seseorang kanak-kanak jika kanak-kanak itu berada di bawah pemeliharaan, pengawasan atau kuasanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada—

- (a) ibu atau bapa, penjaga atau seseorang yang mempunyai hubungan persaudaraan melalui pertalian darah seibu sebapa atau pertalian darah seibu atau sebapa, atau melalui perkahwinan atau pengangkatan, termasuk pengangkatan *de facto*;

- (b) seseorang yang mengasuh seorang kanak-kanak atau lebih bagi balasan berharga bagi apa-apa tempoh masa;
- (c) guru, pensyarah atau warden sesuatu tadika, sekolah, institusi pengajian tinggi awam atau institusi pengajian tinggi swasta;
- (d) mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan di kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan atau kemudahan jagaan kesihatan swasta sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*];
- (e) jurulatih; dan
- (f) pekhidmat awam dengan apa jua pangkat dalam menjalankan kewajipannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan kanak-kanak.

## BAHAGIAN VI

### KEBOLEHPERCAYAAN DAN KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK

#### **Anggapan kebolehpercayaan saksi kanak-kanak**

**18.** Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, dalam apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah kanak-kanak, seseorang kanak-kanak dianggap kompeten untuk memberikan keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat selainnya.

#### **Keterangan saksi kanak-kanak**

**19.** (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam undang-undang bertulis, dalam apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah kanak-kanak, mahkamah boleh membenarkan keterangan tanpa sokongan seseorang kanak-kanak, yang diberikan dengan sumpah atau selainnya, diterima.

(2) Mahkamah, sebelum membenarkan keterangan tanpa sokongan kanak-kanak diterima di bawah subseksyen (1), hendaklah menentukan bahawa kanak-kanak itu memiliki kecerdasan yang mencukupi dan memahami kewajipan untuk bercakap benar.

## BAHAGIAN VII

### PELBAGAI

#### **Kegagalan memberikan maklumat**

**20.** Walau apa pun seksyen 13 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], mana-mana orang yang tidak memberikan maklumat mengenai pelakuan atau niat mana-mana orang lain untuk melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah seorang kanak-kanak, kepada pegawai yang menjaga balai polis yang berdekatan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, jika disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

#### **Anggapan umur kanak-kanak**

**21.** Tidak menjadi suatu pembelaan terhadap pertuduhan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah seorang kanak-kanak, bahawa seseorang tertuduh mempercayai bahawa kanak-kanak itu berumur lapan belas tahun atau lebih pada masa kesalahan itu dikatakan telah dilakukan melainkan jika tertuduh itu mengambil semua langkah yang munasabah untuk menentukan umur kanak-kanak itu.

#### **Persubahatan**

**22.** Mana-mana orang yang bersubahat dalam pelakuan mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini hendaklah, jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan berbangkit daripada persubahatan itu, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

**Keterangan ejen provokasi boleh diterima**

**23.** (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika seorang kanak-kanak ialah mangsa, tiada ejen provokasi boleh dianggap tidak boleh dipercayai semata-mata kerana dia telah cuba melakukan atau bersubahat, atau telah bersubahat atau terlibat dalam konspirasi jenayah untuk melakukan, kesalahan itu jika tujuan utama percubaan, persubahatan atau penglibatan itu ialah untuk mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, suatu sabitan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah seorang kanak-kanak, yang berasaskan semata-mata pada keterangan tanpa sokongan mana-mana ejen provokasi tidaklah menjadi tidak sah dan tiada sabitan sedemikian boleh diketepikan hanya kerana mahkamah yang membicarakan kes itu tidak menyebut dalam alasan penghakimannya keperluan supaya mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan berdasarkan pada keterangan sedemikian.

**Ketidapkakaian seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah**

**24.** Seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah seorang kanak-kanak, jika orang yang disabitkan atas kesalahan itu berumur lapan belas tahun atau atas lapan belas tahun.

**Peruntukan mengenai hukuman sebat**

**25.** Walau apa pun perenggan 289(c) Kanun Tatacara Jenayah, jika seseorang disabitkan di bawah mana-mana kesalahan di bawah Akta ini ialah lelaki yang mahkamah berpendapat berumur lebih daripada lima puluh tahun, orang itu masih boleh dihukum dengan hukuman sebat.



## **Jadual**

**26.** Menteri boleh, selepas berunding dengan Pendakwa Raya, meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, termasuk untuk mengeluarkan atau memasukkan apa-apa kesalahan dengan apa-apa perihalan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

### JADUAL

[Seksyen 13,14, 17,18, 19, 20, 21, 23, 24 dan 26]

1. Seksyen 354, 372, 375, 375B, 376, 376A, 376B, 377A, 377B, 377C, 377CA, 377D, 377E atau 509 Kanun Keseksaan, kecuali bagi maksud seksyen 24 Akta ini yang berhubungan dengan ketidakpakaian seksyen 173A dan 294 Kanun Tatacara Jenayah bagi kesalahan berat di bawah Kanun Keseksaan
2. Seksyen 14 atau 15 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [*Akta 670*], setakat yang berhubung dengan exploitasi seksual, kecuali bagi maksud seksyen 23 Akta ini
3. Seksyen 31 setakat yang berhubung dengan penderaan seksual atau seksyen 43 Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*]

---

### HURAIAN

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dicadangkan ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang tertentu dan hukumannya sebagai tambahan kepada kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang lain dan hukumannya dalam undang-undang bertulis yang lain, dan berhubung dengannya untuk mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran keadilan bagi kanak-kanak dan perkara yang berkaitan. Akta yang dicadangkan adalah penting untuk menangani keseriusan kesalahan seksual yang dilakukan terhadap kanak-kanak di Malaysia. Tujuan utama Akta yang dicadangkan ini adalah untuk mengadakan perlindungan yang lebih baik bagi kanak-kanak terhadap kesalahan seksual dan untuk melindungi kepentingan dan kebajikan kanak-kanak serta mengadakan pencegahan berkesan. Dalam memastikan keberkesanan Akta yang dicadangkan, pihak yang berkenaan yang menguruskan kanak-kanak termasuk orang awam berkewajipan untuk memberikan maklumat kepada pihak berkuasa yang berkenaan mengenai pelakuan atau niat mana-mana orang lain untuk melakukan mana-mana kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

## BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan mengandungi perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan hendaklah terpakai bagi kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun dan apa-apa sebutan mengenai kanak-kanak hendaklah termasuk orang yang tertuduh bagi kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan percaya berumur di bawah lapan belas tahun.
5. *Fasal 3* mengandungi peruntukan pemakaian luar wilayah Akta yang dicadangkan. Jika suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dilakukan oleh warganegara Malaysia terhadap kanak-kanak di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia.

## BAHAGIAN II

6. Bahagian II Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan pornografi kanak-kanak dan peruntukan lain yang berkaitan.
7. *Fasal 4* mengandungi takrif “pornografi kanak-kanak” dan “kelakuan seksual secara terang-terangan”.
8. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, mengambil bahagian, menyertai atau melibatkan diri, dengan apa-apa cara, dalam pembuatan, penghasilan atau pengarahannya pembuatan atau penghasilan, apa-apa pornografi kanak-kanak. Disebabkan keseriusan kesalahan ini, mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah *fasal* ini hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga puluh tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada enam sebatan.
9. *Fasal 6* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan membuat persediaan untuk membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah *fasal* ini hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.
10. *Fasal 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan menggunakan atau menyebabkan seorang kanak-kanak digunakan dalam persediaan untuk membuat, menghasilkan, atau dalam persediaan untuk mengarahkan pembuatan atau penghasilan, atau dalam pembuatan atau penghasilan, atau dalam pengarahannya pembuatan atau penghasilan, apa-apa pornografi kanak-kanak. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah *fasal* ini hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan

selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada lima sebatan. Seksyen ini tidak terpakai jika persediaan untuk membuat atau menghasilkan atau persediaan untuk mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak, atau jika pembuatan atau penghasilan atau pengarah pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak menggunakan seseorang yang kelihatan seperti seorang kanak-kanak.

11. *Fasal 8* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang berikut:

- (a) bertukar-tukar, menerbitkan, menjual, menyewakan, mengedar, menunjukkan, mengiklankan, menghantar, menggalakkan, mengimport, mengeksport, menyampaikan, menawarkan atau menjadikan tersedia, mengikut apa-apa cara, apa-apa pornografi kanak-kanak;
- (b) memperoleh, mengumpulkan atau meminta apa-apa pornografi kanak-kanak; atau
- (c) mengambil bahagian dalam atau menerima keuntungan daripada apa-apa perniagaan yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai perniagaan itu berkaitan dengan apa-apa pornografi kanak-kanak.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah *fasal* ini hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada tiga sebatan.

12. *Fasal 9* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan menjual, menyewakan, mengedar, menunjukkan, mengiklankan, menghantar, menggalakkan, menyampaikan, menawarkan atau menjadikan tersedia, mengikut apa-apa cara, apa-apa pornografi kanak-kanak kepada seseorang kanak-kanak. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah *fasal* ini hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada lima sebatan.

13. *Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan mengakses, atau mempunyai dalam milikan atau kawalannya, apa-apa pornografi kanak-kanak. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah *fasal* ini boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya. Seseorang dikatakan mengakses pornografi kanak-kanak sekiranya orang itu dengan diketahuinya menyebabkan pornografi kanak-kanak dilihat oleh, atau dihantar kepada, dirinya.

14. *Fasal 11* memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Bahagian II oleh pertubuhan perbadanan.

## BAHAGIAN III

15. Bahagian III Akta yang dicadangkan mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan pengantunan kanak-kanak.

16. *Fasal 12* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak. Pengantunan kanak-kanak biasanya dimulakan oleh penjenayah melalui komunikasi secara seksual dengan kanak-kanak. Kesalahan ini diwujudkan untuk memastikan bahawa kanak-kanak dapat dilindungi sepenuhnya bagi membolehkan pencegahan awal dibuat untuk menghalang daripada berlakunya kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang lebih serius.

17. *Fasal 13* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan pengantunan kanak-kanak. Di bawah *fasal* ini, mana-mana orang yang berkomunikasi dengan apa-apa cara dengan seseorang kanak-kanak dengan niat untuk melakukan atau untuk memudahkan pelakuan mana-mana kesalahan di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 15 atau 16 Akta yang dicadangkan atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual terhadap kanak-kanak itu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat. Dalam mana-mana prosiding di bawah seksyen ini, fakta bahawa mana-mana kesalahan di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 15 atau 16 Akta yang dicadangkan atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual telah dilakukan tidak perlu dinyatakan atau dibuktikan.

18. *Fasal 14* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan perjumpaan selepas pengantunan kanak-kanak. Di bawah *fasal* ini, mana-mana orang yang, setelah berkomunikasi dengan apa-apa cara dengan seseorang kanak-kanak, berjumpa dengan kanak-kanak itu dengan niat untuk melakukan atau untuk memudahkan pelakuan mana-mana kesalahan di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 15 atau 16 Akta yang dicadangkan atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual terhadap kanak-kanak itu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

## BAHAGIAN IV

19. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperuntukkan hukuman bagi kesalahan amang seksual.

20. *Fasal 15* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan amang seksual fizikal atas kanak-kanak. Di bawah *fasal* ini, mana-mana orang yang, bagi maksud seksual, menyentuh mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak, membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang itu atau bahagian badan mana-mana orang lain, membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu sendiri atau melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak tanpa persetujuan, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

21. *Fasal 16* bertujuan untuk mengadakan peruntukan hukuman bagi kesalahan amang seksual bukan fizikal atas kanak-kanak. Di bawah *fasal* ini, mana-mana orang yang, bagi maksud seksual, mengatakan apa-apa perkataan atau membuat apa-apa bunyi, atau membuat apa-apa gerak isyarat atau menunjukkan apa-apa objek atau badannya atau mana-mana bahagian badannya dengan niat bahawa perkataan atau bunyi itu hendaklah didengari, atau gerak isyarat atau objek atau badan atau bahagian badannya itu hendaklah dilihat oleh seseorang kanak-kanak, membuatkan kanak-kanak menunjukkan badan kanak-kanak itu atau mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu supaya dapat dilihat oleh orang itu atau mana-mana orang lain, mengikuti atau memerhati atau menghubungi seseorang kanak-kanak dengan apa-apa cara secara berulang kali atau kerap, mengugut untuk menggunakan apa-apa gambaran, sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, atau dengan apa-apa cara lain mengenai apa-apa bahagian badan seseorang kanak-kanak atau mengenai seseorang kanak-kanak sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual melakukan suatu kesalahan. Menjadi suatu kesalahan juga di bawah *fasal* ini bagi mana-mana orang yang melakukan aktiviti yang bersifat seksual di hadapan seseorang kanak-kanak, menyebabkan seseorang kanak-kanak memerhati seseorang yang lain sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual, menyebabkan seseorang kanak-kanak memerhati atau mendengar apa-apa gambaran sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, atau dengan apa-apa cara lain mengenai seseorang yang lain melakukan aktiviti yang bersifat seksual, atau membuatkan seseorang kanak-kanak melakukan aktiviti yang bersifat seksual. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah *fasal* ini boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

#### BAHAGIAN V

22. Bahagian V Akta yang dicadangkan adalah berhubung dengan orang yang mempunyai perhubungan amanah dengan seseorang kanak-kanak.

23. *Fasal 17* memperuntukkan bahawa jika seseorang yang melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual terhadap seseorang kanak-kanak, mempunyai perhubungan amanah dengan kanak-kanak itu, orang itu hendaklah, sebagai tambahan kepada hukuman yang dia boleh dikenakan bagi kesalahan itu, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada dua sebatan. Seseorang dikatakan mempunyai perhubungan amanah dengan seseorang kanak-kanak jika kanak-kanak itu berada di bawah pemeliharaan, pengawasan atau kuasanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada, ibu atau bapa, penjaga atau seseorang yang mempunyai hubungan persaudaraan melalui pertalian darah seibu sebapa atau pertalian darah seibu atau sebapa, atau melalui perkahwinan atau pengangkatan, termasuk pengangkatan *de facto*, seseorang yang mengasuh seorang kanak-kanak atau lebih bagi balasan berharga bagi apa-apa tempoh masa, guru, pensyarah atau warden bagi sesuatu tadika, sekolah, institusi pengajian tinggi awam atau institusi pengajian tinggi swasta, mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan di kemudahan jagaan

kesihatan Kerajaan atau kemudahan jagaan kesihatan swasta sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*], jurulatih atau pekhidmat awam dengan apa jua pangkat dalam menjalankan kewajipannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan kanak-kanak.

#### BAHAGIAN VI

24. Bahagian VI Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan mengenai kebolehpercayaan dan keterangan saksi kanak-kanak.

25. *Fasal 18* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, seorang kanak-kanak adalah dianggap kompeten untuk memberikan keterangan berhubung dengan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah seorang kanak-kanak melainkan jika mahkamah berpendapat selainnya.

26. *Fasal 19* mengandungi peruntukan mengenai kebolehterimaan keterangan saksi kanak-kanak berhubung dengan apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa itu ialah kanak-kanak. Berhubung dengan kesalahan-kesalahan seksual ini, mahkamah boleh membenarkan agar keterangan tanpa sokongan seseorang kanak-kanak, yang diberikan dengan sumpah atau selainnya, diterima. Walau bagaimanapun, mahkamah, sebelum membenarkan keterangan tanpa sokongan kanak-kanak diterima, hendaklah menentukan bahawa kanak-kanak itu memiliki kecerdasan yang mencukupi dan memahami kewajipan untuk bercakap benar. Peruntukan ini menyimpang daripada seksyen 133A Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*] yang memperuntukkan bahawa seseorang tidak boleh disabitkan atas keterangan tanpa sokongan yang tidak diberikan atas sumpah oleh kanak-kanak yang berusia muda. Walau bagaimanapun, peruntukan ini bertujuan untuk menaikkan status kanak-kanak sebagai saksi supaya keterangan mereka diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

#### BAHAGIAN VII

27. Bahagian VII Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan pelbagai.

28. *Fasal 20* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa walau apa pun seksyen 13 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], mana-mana orang yang tidak memberikan maklumat mengenai pelakuan atau niat mana-mana orang lain untuk melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah seseorang kanak-kanak, kepada pegawai yang menjaga balai polis yang berdekatan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, jika disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

29. *Fasal 21* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa tidak menjadi suatu pembelaan terhadap pertuduhan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah seseorang kanak-kanak, bahawa seseorang tertuduh mempercayai bahawa kanak-kanak itu berumur lapan belas tahun atau lebih pada masa kesalahan itu dikatakan telah dilakukan melainkan jika tertuduh itu mengambil semua langkah yang munasabah untuk menentukan umur kanak-kanak itu.

30. *Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai persubahatan melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan. Mana-mana orang yang bersubahat dalam pelakuan mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah, jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan berbangkit daripada persubahatan itu, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu. Berhubung dengan hukuman bagi apa-apa percubaan melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah seorang kanak-kanak, seksyen 511 Kanun Keseksaan hendaklah terpakai.

31. *Fasal 23* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, keterangan ejen provokasi hendaklah diterima dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika seorang kanak-kanak ialah mangsa, kecuali bagi kesalahan di bawah seksyen 14 dan 15 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]. Bagi maksud Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, peruntukan mengenai kebolehterimaan keterangan ejen provokasi telahpun diperuntukkan dalam seksyen 59 Akta itu. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa suatu sabitan berhubung dengan kesalahan sedemikian yang berasaskan semata-mata pada keterangan tanpa sokongan mana-mana ejen provokasi tidaklah menjadi tidak sah.

32. *Fasal 24* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa seksyen 173A, 293 dan 294 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan, atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah seseorang kanak-kanak, jika orang yang disabitkan atas kesalahan itu berumur lapan belas tahun atau atas lapan belas tahun. Walau bagaimanapun, *fasal* ini tidak terpakai berkenaan dengan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan yang berhubungan dengan ketidakpakaian seksyen 173A dan 294 Kanun Tatacara Jenayah bagi kesalahan berat di bawah Kanun Keseksaan. Melalui Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2016 [Akta A1521] yang mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2017, seksyen 173A dan seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah telah dipinda untuk memperuntukkan bahawa seksyen-seksyen ini tidak terpakai bagi, antara lain, kesalahan berat di bawah Kanun Keseksaan. Di bawah Kanun Keseksaan, “kesalahan berat” maknanya kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh sepuluh tahun atau lebih.

33. *Fasal 25* mengadakan peruntukan bagi pengecualian pemakaian perenggan 289(c) Kanun Tatacara Jenayah. Di bawah perenggan 289(c) Kanun Tatacara Jenayah, seseorang lelaki yang pada pendapat mahkamah berumur lebih daripada lima puluh tahun tidak boleh dikenakan hukuman sebat jika dia disabitkan dengan suatu kesalahan kecuali kesalahan di bawah seksyen 376, 377C, 377CA atau 377E Kanun Keseksaan. *Fasal* ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa walau apa pun perenggan 289(c) Kanun Tatacara Jenayah, jika seseorang disabitkan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan ialah lelaki yang mahkamah berpendapat berumur lebih daripada lima puluh tahun, dia masih boleh dihukum dengan hukuman sebat. Peruntukan ini diadakan setelah mengambil kira keseriusan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

34. *Fasal 26* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Menteri boleh, selepas berunding dengan Pendakwa Raya, meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, termasuk untuk mengeluarkan atau memasukkan apa-apa kesalahan dengan apa-apa perihalan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3051]